

Rizab Antarabangsa BNM berjumlah AS\$113.4 bilion pada 15 April 2024
Astro Awani
22 April 2024
Bernama

KUALA LUMPUR: Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia (BNM) berjumlah AS\$113.4 bilion pada 15 April, 2024 berbanding dengan AS\$113.8 bilion pada 29 Mac, 2024.

Menurut bank pusat, paras rizab itu memadai untuk membiayai 5.6 bulan import barangan dan perkhidmatan dan 1.0 kali jumlah hutang luar negeri jangka pendek.

Komponen utama rizab antarabangsa meliputi rizab mata wang asing berjumlah AS\$100.1 bilion, diikuti kedudukan rizab Tabung Kewangan Antarabangsa (AS\$1.4 bilion), hak pengeluaran khas (SDR) (AS\$5.7 bilion), emas (AS\$2.8 bilion) dan aset rizab lain (AS\$2.4 bilion).

Jumlah aset sebanyak RM630.93 bilion merangkumi emas dan pertukaran asing dan rizab lain, termasuk SDR (RM536.93 bilion), kertas kerajaan Malaysia (RM12.99 bilion), deposit dengan institusi kewangan (RM1.66 bilion), pinjaman dan pendahuluan (RM24.53 bilion), tanah dan bangunan (RM4.12 bilion) dan aset-aset lain (RM50.67 bilion).

BNM berkata modal dan liabiliti terdiri daripada modal berbayar (RM100 juta), rizab (RM192 bilion), mata wang dalam edaran (RM172.25 bilion), deposit oleh institusi kewangan (RM142.29 bilion), deposit kerajaan persekutuan (RM6.09 bilion), deposit lain (RM63.64 bilion), kertas Bank Negara (RM20.70 bilion), peruntukan SDR (RM30.21 bilion) dan liabiliti-liabiliti lain (RM3.62 bilion).

-- BERNAMA

© 2024 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. 200001032668(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/rizab-antarabangsa-bnm-berjumlah-1134-bilion-pada-15-april-2024-467432>